



SIARAN MEDIA

STONG GEOPARK DIKTIRAF SEBAGAI GEOPARK KEBANGSAAN

Stong Geopark telah menerima pengiktirafan sebagai Geopark Kebangsaan selepas diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Geopark yang bersidang pada 14 November 2022 dan berkuatkuasa bagi tempoh empat tahun sehingga 13 November 2026.

Geopark merupakan satu konsep perlindungan dan pembangunan lestari wilayah di sesuatu kawasan yang mempunyai unsur-unsur yang kaya dengan kepelbagaian geologi, ekologi, arkeologi, sejarah dan budaya.

Kerajaan menasakkan setiap negeri mempunyai 1 geopark yang diiktiraf di peringkat kebangsaan. Stong Geopark mempunyai 25 geotapak. 4 daripadanya mempunyai nilai kepentingan bertaraf antarabangsa, 11 mempunyai nilai kepentingan bertaraf kebangsaan dan 10 mempunyai nilai kepentingan bertaraf tempatan. Ianya kaya dengan kepelbagaian biologi (7 biotapak) dan kepelbagaian budaya (16 tapak budaya). Penemuan beberapa artifak berupa cengkerang dan serpihan tembikar yang dipercayai berusia antara 1,000 hingga 5,000 tahun telah di Gua Keris, Geotapak Kompleks Gua Ikan, Dabong, mempunyai ciri-ciri zaman neolitik dan berpotensi untuk dibuat penyelidikan arkeologi yang lebih saintifik.

Pengiktirafan ini adalah pengiktirafan Geopark Kebangsaan yang kelapan selepas Lembah Kinta dan Lenggong Geopark di Perak; Jerai Geopark di Kedah; Kinabalu Geopark di Sabah; Labuan Geopark di Wilayah Persekutuan Labuan; Sarawak Delta Geopark di Sarawak; dan Gombak- Hulu Langat Geopark di Selangor.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli telah menyampaikan Sijil Pengiktirafan Stong Geopark sebagai Geopark Kebangsaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan dalam sebuah majlis di Kota Bharu, Kelantan. Majlis ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada semua pihak yang telah mengembleng usaha dan tenaga dalam menjayakan Aspirasi Stong Geopark sehingga mendapat pengiktirafan sebagai Geopark Kebangsaan.

Dalam ucapan beliau, Menteri berharap pihak Persekutuan dan Negeri dapat menjalankan kerjasama yang erat bagi memastikan Geopark dapat diuruskan dengan baik selaras dengan *The Sustainable Development Agenda* yang mana pembangunan geopark memberikan perhatian kepada keseimbangan tiga komponen utama iaitu:

- (i) kepentingan pemuliharaan sumber asli (khususnya sumber warisan geologi);
- (ii) pembangunan infrastruktur untuk pelancong dan;
- (iii) aktiviti sosioekonomi yang menguntungkan menerusi penglibatan komuniti setempat.

Majlis ini telah dihadiri oleh seramai 250 orang tetamu yang terdiri daripada Exco-Exco Kerajaan, Pejabat Setiausaha Negeri Kelantan, Ketua-Ketua Jajahan, Yang Dipertua/ Setiausaha Majlis Perbandaran/ Bandaran; Ketua-ketua Jabatan/ Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Jawatankuasa Stong Geopark, Institusi Pengajian Tinggi Awam, pemimpin tempatan, serta wakil komuniti dan jurupandu.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

17 NOVEMBER 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia  ketsamalaysia1

